

**PROGRAM PENGAJIAN SEPARUH MASA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA  
SOALAN-SOALAN LAZIM**

**PERMOHONAN**

**1. Apakah program pengajian separuh masa yang ditawarkan di UTMSPACE?**

Terdapat dua program yang ditawarkan iaitu:-

Program Sarjana Muda dan Diploma separuh masa UTM. Sila rujuk laman sesawang permohonan UTMSPACE bagi melihat senarai program yang ditawarkan bagi setiap semester.

~ Setiap program dan pusat ditawarkan adalah berbeza bagi setiap pengambilan

**2. Bilakah pengambilan pelajar akan dilakukan?**

Sesi pengambilan pelajar dilakukan dua kali setahun bagi program diploma dan sarjana muda seperti berikut:-

**Program Diploma**

Perkara	Bulan
Pengambilan Semester Pertama	Jun
Tempoh Permohonan	Mac – April
Pengambilan Semester Kedua	November
Tempoh Permohonan	Ogos – September

**Program Sarjana Muda**

Perkara	Bulan
Pengambilan Semester Pertama	September
Tempoh Permohonan	Jun – Julai
Pengambilan Semester Kedua	Februari
Tempoh Permohonan	November – Disember

**3. Bagaimanakah cara untuk membuat permohonan?**

Permohonan boleh dibuat di atas talian [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)

**4. Adakah setiap program ditawarkan pada setiap sesi pengambilan?**

Tidak semestinya kerana penawaran program di satu-satu pusat pembelajaran pada satu-satu masa bergantung kepada dua faktor, iaitu:-

- i. Kelulusan penawaran program oleh pihak fakulti
- ii. Kuota minimum permohonan yang telah ditetapkan

**5. Apakah syarat kemasukan untuk memohon program ini?**

Syarat kemasukan setiap program adalah merujuk kepada Syarat Umum dan Syarat Kemasukan Program. Sila layari laman web [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my) untuk keterangan lanjut.

**6. Adakah boleh memohon program yang ditawarkan sekiranya masih belum menduduki atau masih belum mendapat keputusan Malaysian University English Test (MUET)?**

Ya boleh, tetapi calon mesti mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2)** dalam Malaysian University English Test (MUET) dalam tempoh **2 tahun** pertama pengajian.

**7. Adakah Program Pengajian Separuh Masa SPACE diiktiraf oleh badan professional dan MQA?**

Ya, program-program Pengajian Separuh Masa *SPACE* yang dijalankan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan professional yang berkenaan.

**8. Apakah perbezaan mod Program Pengajian Separuh Masa dengan Program Pengajian Jarak Jauh?**

Program Pengajian Separuh Masa melibatkan 100% pengkuliahan bersemuka.

Manakala, Program Pengajian Jarak Jauh melibatkan sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian antara pensyarah dan pelajar.

**9. Bolehkah lepasan Diploma Eksekutif mengikuti program Sarjana Muda Separuh Masa?**

Tidak boleh, kerana tidak memenuhi Syarat Kemasukan Program.

**TEMPOH PENGAJIAN**

**1. Berapakah tempoh pengajian bagi satu-satu program SPACE?**

Tempoh pengajian adalah bergantung kepada Jumlah Kredit Program yang wajib disempurnakan dan jumlah kursus yang didaftarkan dalam satu-satu semester seperti berikut:-

	Diploma	Sarjana Muda	
		(kecuali Senibina)	Senibina
Jumlah Kredit Program	93 hingga 99	100 hingga 140	159
Beban Kredit			
Semester I	10	10	10
Semester II	10	10	10
Semester III	6	6	6
<b>Tempoh Pengajian (Minimum)*</b>	<b>3 Thn 6 Bln</b>	<b>4 Thn 6 Bln</b>	<b>6 Thn</b>
<b>Tempoh Pengajian (Maksimum)</b>	<b>9 Tahun</b>	<b>10 Tahun</b>	<b>14 Tahun</b>
	<b>18 Semester</b>	<b>20 Semester</b>	<b>28 Semester</b>

\*Tempoh pengajian minimum adalah bergantung kepada bilangan pengecualian/pindah kredit sesuatu program

2. **Bagaimanakah pembahagian semester pengajian bagi satu sesi pengajian?**

Pembahagian sesi pengajian mengikut semester adalah seperti berikut:-

Semester Lazim			Semester Pendek	
Perkara	Semester I	Semester II	Perkara	Semester III
Perkuliahan Minggu Ulang Kaji Peperiksaan Akhir	15 minggu 1 minggu 3 minggu	15 minggu 1 minggu 3 minggu	Minggu Makmal Perkuliahan & Peperiksaan	1 minggu 8 minggu
Cuti	4 minggu	10 minggu @ <b>Semester Pendek</b>	Cuti	1 minggu
Jumlah	23 minggu	29 minggu		
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>52 minggu</b>		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>10 minggu</b>

**KULIAH**

1. **Bilakah waktu kuliah bagi setiap semester pengajian?**

Kuliah dijalankan pada setiap hujung minggu mengikut pusat-pusat pembelajaran berikut:-

Negeri	Hari	Waktu
Kedah, Kelantan dan Terengganu	Jumaat	2.30 ptg – 07.00 ptg 08.00 mlm – 10.00 mlm
	Sabtu	8.30 pagi – 01.00 tgh 02.00 ptg – 06.30 ptg
Johor	Jumaat	6.00 ptg – 07.00 ptg 08.00 mlm – 10.00 mlm
	Sabtu	2.00 ptg – 06.30 tgh @ 11.00 pg 08.00 mlm – 10.00 mlm
Selain di atas	Sabtu	2.00 ptg – 06.30 ptg 08.00 mlm – 10.00 mlm
	Ahad	8.30 pagi – 01.00 tgh 02.00 ptg – 06.30 ptg

**2. Apakah medium perantaraan yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran?**  
Penggunaan dwi bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) akan digunakan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun bergantung kepada setiap fakulti.

**3. Bagaimanakah cara untuk membuat pendaftaran kursus?**  
Pendaftaran kursus bagi pelajar kanan dibuat secara atas talian kecuali pelajar baru.

**4. Bila pendaftaran kursus boleh dilakukan?**  
Pendaftaran kursus mesti dilakukan tidak lewat daripada EMPAT BELAS (14) hari sebelum semester bermula sebagaimana tarikh-tarikh yang ditetapkan universiti.

**5. Apakah kesan sekiranya pendaftaran kursus dilakukan selepas tempoh pendaftaran ditetapkan?**  
Pelajar tidak dibenarkan mengikuti pengajian pada semester berkenaan.

**6. Sekiranya berlaku kesilapan sewaktu pendaftaran kursus, apakah tindakan yang boleh dilakukan?**  
Pelajar mesti membuat pembetulan dalam tempoh ditetapkan.

**7. Berapakah kadar maksimum kredit yang boleh didaftarkan pada satu-satu semester pengajian?**

Pelajar hendaklah mendaftar tidak kurang daripada jumlah Kredit Minimum, iaitu SATU (1) kredit dan tidak lebih daripada SEPULUH (10) kredit bagi semester lazim dan ENAM (6) kredit bagi semester pendek. Ini termasuk kursus Hadir Sahaja (HS) dan kursus Hadir Wajib (HW) dalam sesuatu semester.

Pelajar yang ingin mengambil lebih daripada SEPULUH (10) kredit bagi semester lazim hendaklah mendapat kebenaran Dekan Fakulti pelajar atau pegawai lain yang diluluskan oleh Dekan Fakulti yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pelajar TIDAK dibenarkan mengambil lebih daripada DUA BELAS (12) kredit dalam sesuatu semester lazim.

Pelajar yang ingin mendaftar lebih daripada ENAM (6) kredit bagi semester pendek hendaklah mendapat kebenaran Dekan Fakulti pelajar atau pegawai lain yang diluluskan oleh Dekan Fakulti yang berkenaan. Walau bagaimanapun, pelajar TIDAK dibenarkan mengambil lebih daripada LAPAN (8) kredit dalam sesuatu semester pendek.

**8. Apakah yang dimaksudkan dengan pengecualian kredit?**

Pengecualian Kredit merupakan permohonan pengurangan jumlah keseluruhan kredit yang disyaratkan bagi satu-satu program.

Had Pengecualian Kredit yang boleh diberikan hendaklah tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program. Pelajar yang diberikan pengecualian kredit adalah:-

- a. pelajar yang memiliki sijil atau diploma atau ijazah yang diiktiraf setaraf oleh universiti; atau
- b. pelajar yang mempunyai pengalaman kerja yang diiktiraf oleh universiti sebagai setaraf dengan kursus peringkat sijil atau diploma atau ijazah universiti; atau
- c. pelajar yang bertukar program pengajian sama ada dalam universiti atau dari IPT lain.

**9. Bagaimanakah cara permohonan Pengecualian Kredit?**

Permohonan Pengecualian Kredit boleh dibuat dengan mengemukakan Borang Pengecualian Kredit yang lengkap beserta transkrip keseluruhan sijil atau diploma yang telah disahkan kepada fakulti bagi mendapatkan kelulusan permohonan.

Syarat dan peraturan permohonan adalah seperti berikut:-

- a. Gred Lulus  
Gred minimum untuk mendapatkan Pengecualian Kredit ialah Gred C atau lebih tinggi mengikut sistem penggredan universiti
- b. Nilai Kredit  
Kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah setara dengan kurikulum program pengajian universiti daripada segi pengiraan beban akademik dan nilai kredit.
- c. Kandungan Kursus dan Kurikulum Program  
Kandungan kursus yang diberikan Pengecualian Kredit hendaklah setaraf dengan kurikulum semasa atau tidak kurang daripada 80% daripada kandungan kursus berkaitan di universiti.

**10. Apakah tindakan yang boleh diambil sekiranya terdapat kursus yang gagal dalam satu-satu semester pengajian?**

Pelajar yang gagal dalam sesuatu kursus wajib atau elektif hendaklah menebus (mengambil semula) dengan cara mengulangi kursus tersebut sehingga lulus.

**11. Apakah gred lulus bagi satu-satu kursus?**

Gred lulus untuk satu-satu kursus adalah tertakluk kepada keperluan fakulti dengan kelulusan Senat.

**12. Apakah kesan sekiranya tidak menghadiri pertemuan kursus?**

Pelajar yang hadir kurang daripada 70% masa pertemuan dalam sesuatu semester tanpa sebab munasabah yang boleh diterima oleh Universiti, tidak dibenarkan menghadiri semua bentuk pertemuan kursus dan menduduki sebarang bentuk penilaian selanjutnya. Markah SIFAR (0) akan diberikan bagi kursus yang berkenaan, atau Hadir Gagal (HG) bagi kursus berstatus Hadir Wajib (HW); dan kursus yang didaftarkan dengan taraf Hadir Sahaja (HS) tidak akan dicatatkan dalam transkrip.

**13. Apakah sistem penilaian yang dilakukan bagi kursus yang dijalankan?**

Penilaian terhadap setiap kursus dibuat secara berterusan berdasarkan kerja kursus, peperiksaan akhir, bentuk lain yang dibuat dalam sesuatu semester pengajian menurut kaedah yang ditentukan oleh fakulti tertakluk kepada kelulusan senat.

**14. Bagaimanakah caranya sekiranya pelajar semester akhir yang belum melengkapkan kurikulum tetapi kursus tidak ditawarkan bagi membolehkan pelajar tersebut memohon penganugerahan?**

Pelajar boleh mengemukakan permohonan kepada SPACE bagi mendapatkan kelulusan penawaran kursus tersebut pada semester berkenaan.

**15. Bagaimana pelajar program arus Perdana mohon pertukaran ke Pengajian Separuh Masa jika program beliau tidak ditawarkan secara separuh masa?**

Pelajar dikehendaki menukar kepada program yang sedia ada ditawarkan secara separuh masa di SPACE sebelum memohon pertukaran status pengajian.

**PENANGGUHAN PENGAJIAN**

1. Penangguhan pengajian boleh dibuat atas sebab-sebab berikut:

- 1.1 sebab kesihatan,
- 1.2 sebab peribadi,
- 1.3 Gap Year,
- 1.4 tindakan tatatertib.

2. Penangguhan maksimum bagi setiap permohonan ialah selama DUA (2) semester berturut-turut. Jika sekiranya pelajar memerlukan penangguhan lebih daripada EMPAT (4) semester secara berterusan, pelajar hendaklah mendapat kelulusan Universiti bagi menentukan sama ada pelajar dibenar untuk meneruskan pengajian atau menarik diri daripada pengajian.

3. Pelajar yang disahkan sakit dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan boleh memohon kepada Pengerusi SPACE untuk menangguhkan pengajian pada semester berkenaan.

4. Pelajar juga boleh memohon penangguhan atas alasan selain daripada sebab-sebab kesihatan. Permohonan ini hendaklah dibuat EMPAT BELAS (14) hari sebelum minggu peperiksaan akhir bermula dalam semester berkenaan.

5. Tempoh penangguhan tidak diambil kira sebagai semester yang telah digunakan bagi kes berikut:

- 5.1 pelajar yang ditangguhkan pengajiannya oleh Universiti atas sebab kesihatan,
- 5.2 pelajar yang ditangguhkan pengajiannya oleh Universiti kerana dikenakan tindakan tatatertib
- 5.3 pelajar yang ditangguhkan pengajian atas sebab kepentingan negara,
- 5.4 pelajar yang ditangguhkan pengajian kerana mengikuti program Gap Year

## **PEPERIKSAAN**

### **1. Apakah cara yang perlu dilakukan oleh pelajar sekiranya tidak dapat menghadiri peperiksaan?**

Pelajar boleh memohon untuk menangguh menduduki peperiksaan atas sebab sakit. Pelajar dikehendaki mendapatkan Sijil Cuti Sakit (disahkan dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan) sebelum peperiksaan bermula dan mengemukakan kepada Pengerusi SPACE tidak lewat daripada DUA PULUH EMPAT (24) jam setelah peperiksaan yang berkenaan bermula kecuali atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti.

Pelajar yang ditimpa musibah (seperti kemalangan, bencana alam atau kematian ibu bapa serta waris terdekat dan lain-lain perkara yang diperakukan oleh Universiti) boleh memohon penangguhan peperiksaannya dengan mengemukakan permohonan bertulis beserta dengan dokumen yang berkaitan kepada Pengerusi SPACE untuk kesnya dipertimbangkan oleh fakulti pelajar.

Pelajar yang dikehendaki berkhidmat untuk negara boleh memohon penangguhan peperiksaannya dengan mengemukakan permohonan bertulis beserta dengan dokumen yang berkaitan kepada Pengerusi SPACE untuk kesnya dipertimbangkan oleh fakulti pelajar.

Peperiksaan yang ditangguhkan hanya akan dijalankan dalam tempoh peperiksaan khas yang ditentukan oleh Universiti.

### **2. Apakah kriteria yang melayakkan Menduduki Peperiksaan Khas?**

Peperiksaan Khas boleh diadakan bagi kriteria berikut:-

Peperiksaan Khas akan diadakan bagi pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir semester kerana disahkan sakit dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan atau atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti dan pelajar yang ditimpa musibah (seperti kemalangan, bencana alam atau kematian ibu bapa serta waris terdekat dan lain-lain perkara yang diperakukan oleh Universiti) dan atas kepentingan negara. Pelajar dikehendaki mengemukakan permohonan beserta dengan bukti kepada SPACE.

Peperiksaan khas juga boleh diadakan bagi pelajar semester akhir yang lulus dengan taraf Kedudukan Baik (KB), tetapi gagal dalam SATU (1) kursus setelah menduduki peperiksaan akhir kursus tersebut bagi mana-mana DUA (2) semester terakhir pengajian, kecuali semester di mana pelajar menjalani Latihan Industri/ Praktikum dengan syarat pelajar mengambil kursus tersebut setiap kali ditawarkan di pusat pembelajaran berkaitan

Pelajar yang akan menjalani Latihan Industri/ Praktikum pada semester terakhir pengajian boleh memohon untuk menduduki Peperiksaan Khas seperti dalam perkara (2) pada semester sebelumnya

**3. Bolehkah semakan markah dilakukan sekiranya pelajar tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan?**

Boleh, dengan syarat pelajar hendaklah mengemukakan borang Rayuan Keputusan Gred Kursus dengan kadar yuran yang ditetapkan

**4. Apakah prosedur sekiranya pelajar memohon pertukaran pusat peperiksaan?**

Memaklumkan secara bertulis kepada SPACE untuk tindakan selanjutnya dalam tarikh permohonan ditetapkan.

**5. Sekiranya kedudukan pencapaian akademik pelajar kurang memuaskan, apakah tindakan yang sewajarnya dilakukan?**

Pelajar diberi peluang dengan kebenaran fakulti membaiki gred kursus di sepanjang tempoh pengajian dengan syarat berikut:-

- a. Mendapat kelulusan fakulti;
- b. Membaiki gred untuk kursus yang mendapat gred B – atau ke bawah;
- c. Membaiki gred untuk mana-mana kursus hanya dibenarkan sekali sahaja;
- d. Permohonan membaiki gred kursus yang diluluskan akan dikenakan bayaran sebagaimana pendaftaran kursus secara lazim.

Pelajar yang telah Tamat Program dengan Kedudukan Baik (KB) dibenarkan membaiki gred dalam tempoh maksimum TIGA (3) tahun tertakluk kepada tempoh pengajian maksimum.

## **PENGANUGERAHAN**

**1. Apakah syarat yang membolehkan pelajar membuat permohonan penganugerahan?**

Pelajar semester akhir yang akan menamatkan pengajian dikehendaki memohon penganugerahan diploma/ijazah. Pelajar yang pernah membuat permohonan tetapi tidak berjaya menamatkan pengajian dikehendaki membuat permohonan semula.

Pelajar hanya layak dianugerahkan diploma/ijazah setelah syarat berikut dipenuhi:-

- a. Mendapat Kedudukan Baik (KB);
- b. Lulus dalam semua kursus yang ditetapkan;
- c. Memohon penganugerahan dan mendapat perakuan fakulti; dan
- d. Syarat-syarat lain yang ditetapkan

**2. Bagaimanakah cara menyemak status penganugerahan?**

Pelajar boleh menyemak status penganugerahan melalui laman sesawang di alamat [www.utmspace.edu.my](http://www.utmspace.edu.my)



## **KEWANGAN**

**1. Bolehkah pembayaran yuran dibuat secara ansuran?**

Boleh, pihak SPACE telah menyediakan jadual pembayaran dalam PERKARA – PERKARA PENTING mengikut tempoh yang ditetapkan bagi setiap semester.

**2. Apakah tindakan yang dikenakan sekiranya pelajar masih mempunyai tunggakan yuran pengajian selepas tempoh pembayaran ketiga?**

Pelajar akan dikenakan denda sebanyak RM5.00/hari (maksimum 28 hari bekerja) selepas tempoh pembayaran ketiga.

**3. Bagaimanakah prosedur permohonan pinjaman kewangan daripada Institusi Kewangan?**

Pelajar perlu membuat permohonan Surat Pengesahan Pelajar dengan mengisi borang Pengesahan Pelajar dan dikemukakan kepada SPACE sebelum berurusan sendiri dengan institusi kewangan yang berkaitan.

**4. Adakah boleh pelajar membuat pengeluaran KWSP bagi menjelaskan yuran pengajian?**

Boleh. Permohonan pengeluaran KWSP perlu diuruskan sendiri oleh pelajar. SPACE akan mengeluarkan Surat Pengesahan Pelajar sebagai dokumen sokongan permohonan pengeluaran (Jika perlu).

**5. Adakah pinjaman PTPTN boleh dibuat?**

Pelajar boleh memohon pinjaman secara atas talian. Pelajar perlu mengisi borang permohonan yang disediakan secara atas talian di <http://www.ptptn.gov.my/>. Pelajar yang ingin memohon pembiayaan daripada PTPTN perlu memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak PTPTN. SPACE akan membuat pengesahan status pengajian pelajar bagi urusan pengesahan pembayaran daripada PTPTN pada setiap semester. Bagi lain-lain urusan perlu diuruskan sendiri oleh pelajar.

**6. Bilakah permohonan PTPTN akan dibuka?**

Permohonan PTPTN dibuka bermula 1 bulan sebelum bulan semester bermula (Pelajar Kanan sahaja) dan kelompok kedua (Pelajar Baharu) pada bulan pertama semester dibuka sahaja. Untuk maklumat lanjut boleh layari laman sesawang PTPTN.